

**UCAPAN PRESIDEN MUIS
HJ MOHD ALAMI MUSA
DI MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA
MASJID OMAR KG MELAKA
JUMAAT, 4 JUN 2010**

Alhamdulillah, masyarakat Islam Singapura mencapai satu lagi kejayaan. Kali ini kita berjaya menyempurnakan projek peningkatan Masjid Omar Kg Melaka. Bagi pihak Muis, saya mengucapkan syabas kepada Tuan Haji Abu Bakar Abdul Rahman, selaku pengerusi Lembaga Pentadbir Masjid Omar Kampong Melaka dan para anggota LPM Omar Kg Melaka serta semua sukarelawan masjid di atas kejayaan projek ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua dermawan yang telah menyumbang dana sekitar \$900,000 untuk membiayai projek peningkatan ini. Marilah kita panjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah (swt) di atas nikmat-nikmat yang telah dikurniakan kepada umat Islam Singapura.

Tuan-tuan/Puan-puan

2 Kita perlu menjalankan program peningkatan masjid di negara kita ini untuk memenuhi dua matlamat.

3 Matlamat pertama adalah untuk memperbaharui masjid-masjid yang telah usang. Misalnya, banyak bahagian Masjid Omar Kg Melaka ini, seperti bumbung dewan solat, telah di mamah usia dan perlu diganti dengan bahan-bahan binaan terkini.

4 Kita akan juga mengambil kesempatan dari projek peningkatan untuk melengkapkan masjid-masjid lama kita dengan kemudahan-

kemudahan baru. Ini adalah matlamat kedua program peningkatan masjid. Masjid-masjid lama yang dibina pada tahun-tahun awal tidak mempunyai prasarana atau kemudahan sesuai untuk keperluan-keperluan sosio-agama masyarakat kita pada hari ini dalam bidang dakwah, pembelajaran Islam serta pembangunan sosial. Kita perlu meningkatkan prasarana fizikal masjid kita supaya ia dapat memainkan peranan sebagai institusi pembangunan sosio-agama yang lebih menyeluruh kalau dibandingkan dengan tahun-tahun terdahulu.

5 Ini telah dilakukan oleh Masjid Omar Kg Melaka. Kita telah mengambil kesempatan dari projek ini untuk mempertingkatkan bangunan annex Masjid bagi menampung keperluan-keperluan yang lebih luas seperti dalam bidang pengajian Al-Quran, pembelajaran Islam dan program-program bagi golongan Muslimah.

Tuan-tuan/Puan-puan

6 Muis telah mengenal pasti masjid-masjid di Singapura yang akan menjalani peningkatan untuk lima tahun akan datang. Pilihan masjid untuk program peningkatan telah dibuat mengikut kriteria-kriteria yang telah diumumkan oleh Menteri kita, Dr Yaacob Ibrahim pada bulan March tahun lalu. Masjid-masjid yang telah dikenalpasti termasuk masjid-masjid yang dibina di tahun-tahun awal program MBF iaitu yang dibina di bawah Fasa 1. Masjid-masjid yang telah dikenal pasti adalah Masjid Muhajirin, An-Nur dan Al-Ansar. Dibina pada tahun-tahun lapan puluhan, masjid-masjid ini sudah usang dan keadaan mereka perlu diperbaharui. Tambahan pula, kemudahan-kemudahan mereka harus dipertingkatkan.

7 Kelompok kedua masjid yang dikenal pasti adalah masjid-masjid yang tidak dibina di bawah program MBF dan yang belum pernah menjalani sebarang peningkatan besar-besaran sejak tahun 1990. Dua masjid yang telah dikenal pasti adalah Masjid Rahimahbi dan Masjid Alkaff Upper Serangoon di Pheng Geck Avenue. Pendek kata, kriteria yang jelas lagi telus di gunakan dalam memilih masjid yang perlu menjalani peningkatan untuk jangkamasa lima tahun akan datang dan seterusnya.

8 Program peningkatan masjid memerlukan dana berjuta dollar. Kami prihatin atas perkara ini dan ingin meringankan beban masjid untuk mengumpul dana. Oleh kerana itu, Alhamdulillah pemerintah telah membenarkan pemindaan di buat kepada peruntukan dalam Undang Undang AMLA dan yang telah di luluskan oleh Parliamen untuk meluaskan kegunaan dana MBMF bagi merangkumi program peningkatan masjid. Sebelum pindaan kepada AMLA, hanya pembinaan masjid-masjid baru di estet-estet perumahan HDB boleh menggunakan dana MBMF dan juga untuk membiayai program-program pembangunan masyarakat yang dikendalikan Mendaki.

9 Bagi pihak Muis, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada umat Islam di Singapura kerana menyokong peluasan bagi kegunaan dana MBMF dan pada sikap murah hati masyarakat kita untuk menyumbang. Alhamdulillah, kita telah mengumpul lebih dari yang dijangkakan. Oleh kerana itu, Muis telah memperuntukan dana yang lebih tinggi untuk peningkatan Masjid Rahimahbi dan juga telah menyumbang sedikit dana untuk peningkatan Masjid Kampong Siglap supaya ia dapat memenuhi kod keselamatan kebakaran yang terkini,.

10 InshaAllah, dengan adanya program peningkatan masjid yang sistematis, kita boleh berasa yakin bahawa masjid-masjid kita, khususnya masjid-masjid lama, akan diperbaharui serta dilengkapi dengan prasarana yang terkini. Dengan ini, masjid-masjid kita boleh memenuhi keperluan-keperluan sosio-agama masyarakat kita yang pada hari ini telah bertambah dan menjadi lebih luas lagi.

Sekian, terima kasih.